

10 MAY 2003

Mahathir-Penjajahan

KERAJAAN KUKUH ELAK NEGARA DIJAJAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Hanya sebuah kerajaan yang kukuh dapat menjamin negara ini bebas dari ancaman penjajahan semula oleh kuasa asing, kata Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat bahawa kuasa asing kini menggunakan pelbagai alasan untuk campur tangan dalam urusan dalaman negara ini, yang boleh dilihat sebagai satu usaha untuk menjajah semula negara.

"Mereka memberi banyak alasan untuk perlu campur tangan dalam urusan rumah tangga kita," kata Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), ketika merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Bagi melindungi negara dari terjebak dalam usaha penjajahan semula, beliau menasihati rakyat supaya memberikan kemenangan besar kepada BN dalam pilihan raya akan datang bagi membolehkan kerajaan yang dibentuk kuat dan mampu menangani cabaran semasa serta mempertahankan kemerdekaan negara dari ancaman luar.

Katanya satu kerajaan yang kuat dan kukuh mampu mentadbirkan negara dengan baik serta membawa pembangunan secara berterusan kepada negara seperti yang telah dikecapi oleh rakyat sejak negara merdeka.

"Dengan kemenangan yang besar, saya yakin kita dapat mendirikan kerajaan yang kukuh serta kuat dan mempertahankan kemerdekaan kita dalam zaman yang mencabar ini.

"Ia merupakan masa yang mencabar. Kita memerlukan kerajaan yang amat kukuh bagi menghalang golongan yang cuba meruntuhkan negara kita. Janganlah kita kecundang, dan hendaklah kita bersatu menentang sebarang ancaman. Inilah tugas kita," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata negara kini berada dalam satu zaman yang amat mencabar dan keadaan telah berubah dari zaman selepas merdeka yang keadaannya ialah sesebuah negara tidak boleh campurtangan dalam urusan sesebuah negara yang lain.

"Tetapi sedikit demi sedikit penjajah kembali dan ingin menjajah semula... dan mereka memberi banyak alasan untuk campurtangan.

"Mereka sekarang buat tuduhan kononnya ada negara-negara yang tidak demokrasi, tidak menghormati hak asasi manusia, mempunyai rejim yang menekan dan tidak mengamalkan sistem perniagaan bebas dan bermacam tuduhan lain, maka mereka (mendakwa) berhak untuk campurtangan.

"Jadi, pegangan asal bahawa kita tidak sepatutnya campurtangan dalam urusan sesebuah negara yang merdeka telahpun terhakis, sehinggakan pegangan itu kini ialah bukan sekadar campurtangan dalam hal ehwal dalam negara kita tetapi juga memaksa pertukaran pemerintahan.

"Dia nak tukar kerajaan kita dan bukannya rakyat yang nak pilih tetapi kuasa asing yang tentukan siapa yang memerintah dalam sebuah negara merdeka," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya ini berlaku maka negara akan dijajah semula dan sebab itulah semua pihak perlu memperkuatkan negara, sekaligus dapat menentukan tidak berlakunya huru-hara.

Perdana Menteri berkata ia hanya dapat dicapai melalui kestabilan politik.

Dr Mahathir berkata atas sebab-sebab itulah BN dan parti komponennya perlu mengelakkan apa sahaja yang boleh melemahkan mereka.

"Kita perlu rapatkan barisan. Apabila menghadapi pilihan raya kita menghadapinya sebagai sebuah parti dan kita menentukan kemenangan kepada

semua calon sama ada daripada parti majoriti mahupun minoriti, tetapi asalkan dia calon Barisan Nasional," katanya.

Dr Mahathir berkata majoriti yang besar diperlukan dalam suatu pilihan raya supaya apabila tindakan-tindakan yang tidak popular diambil kerajaan, ia masih berjaya.

"Kita perlu membuat tindakan-tindakan yang tidak popular tetapi baik untuk negara. Kalau kita cuma mengikut kehendak penyokong kita supaya kita menjadi popular maka kita tidak dapat membangunkan negara. Kita tidak boleh menjadi kerajaan yang mengikut, semestinya kerajaanlah yang memimpin," katanya.

Beliau berkata dengan hanya 50 peratus kemenangan, parti yang menang masih boleh membentuk kerajaan tetapi dengan majoriti yang kecil, kerajaan itu akan diugut oleh anggota parti sendiri.

"Mereka akan menuntut sesuatu untuk diri mereka dan jika tidak diberi mereka boleh melompat ke parti lawan dan parti lawan akan menjadi majoriti. Mereka boleh menubuhkan kerajaan dengan pertolongan orang yang belot itu," katanya.

Perdana Menteri berkata sebab itulah pada setiap kali pilihan raya, BN sentiasa memberitahu rakyat bahawa ia memerlukan majoriti yang besar bagi membentuk satu kerajaan yang kuat yang tidak boleh diancam oleh sesiapa.

Katanya walaupun BN mempunyai 14 buah parti komponen tetapi BN tidak akan jatuh jika satu daripadanya keluar dari parti itu.

Dr Mahathir berkata BN ingin mengekalkan cara kerjasama antara kaum yang didokong selama ini kerana ia telah terbukti berjaya.

Katanya konsep pakatan yang dibentuk oleh BN berbanding dengan parti-parti campuran di negara lain adalah berbeza kerana ia dibentuk sebelum pilihan raya tetapi di negara lain mereka membentuknya apabila terdesak dan tidak mempunyai bilangan kerusi yang mencukupi untuk menubuhkan kerajaan.

Sambil memberikan contoh, Pengerusi BN itu berkata sistem kerjasama ini sangat penting kerana tidak ada satu kawasan pun yang mempunyai majoriti pengundi keturunan India tetapi calon India dari BN masih mampu mewakili dewan undangan negeri dan kawasan Parlimen hasil sokongan daripada parti komponen yang mewakili kaum-kaum lain.

Beliau berkata sistem itu perlu dikekalkan kerana ia bukan sahaja baik untuk kaum minoriti tetapi juga kaum yang mempunyai majoriti dalam kawasan pilihan raya.

"Banyak daripada kawasan (pilihan raya) yang terdiri daripada orang Melayu atau Cina walaupun menjadi majoriti di kawasan ini tetapi ia tidak menjamin BN akan mendapat kemenangan kalau ia bergantung kepada satu kaum itu sahaja," katanya.

Bagi satu kawasan yang mempunyai majoriti pengundi Melayu dengan calon kerajaan dan pembangkangnya adalah Melayu, maka undi akan berpecah kepada hampir 50-50.

"Dalam keadaan seperti itu, undi bukan Melayulah yang akan menentukan siapa yang akan menang. Undi orang Cina dan India akan menentukan calon mana dan dari parti mana akan dapat kemenangan," katanya.

"Ini adalah keistimewaan sistem yang kita cipta... kita yang menciptanya. Tidak ada negara lain yang melakukannya sungguhpun ada beberapa negara yang ingin belajar daripada kita. Jadi amat penting untuk kita kekalkan kerjasama," katanya.

Beliau berkata walaupun banyak pihak membuat bermacam-macam ramalan mengenai bila pilihan raya umum akan datang diadakan tetapi adalah penting bagi parti komponen untuk bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan pilihan raya.

Mengenai pendidikan, Dr Mahathir berkata beliau bangga rakyat Malaysia umumnya menerima hakikat mengenai kepentingan bahasa Inggeris dan keputusan kerajaan melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Beliau berkata tidak ada negara lain yang memberi keutamaan yang begitu besar kepada pendidikan seperti yang diberi oleh kerajaan Malaysia, iaitu kira-kira 30 peratus belanjawan diperuntukkan kepada pendidikan dan sejumlah 300,000 daripada sejuta kakitangan awamnya terdiri daripada guru.

Dr Mahathir turut mengucapkan tahniah kepada MIC kerana kebanyakan jawatan penting parti itu dimenangi tanpa pertandingan, yang melambangkan persetujuan dan keputusan konsensus semua pihak dalam parti.

"Tetapi tanpa pertandingan bukan bermakna parti ini tidak demokratik.. ini juga adalah satu cara demokrasi," katanya.

Beliau berkata keamanan yang dikecapi Malaysia bukanlah mudah kerana negara ini bukan sahaja mempunyai tiga kaum majoriti tetapi juga 30 suku kaum dengan pelbagai cabang bahasa dan budaya.

Mengimbas kembali zaman penjajahan, Perdana Menteri berkata ketika British memerintah, hanya terdapat sedikit pembangunan, sebaliknya sebahagian besar kekayaan negara dibawa balik ke negara mereka.

"Mereka menebang beratus ekar hutan untuk getah dan bijih timah tetapi pada masa itu mereka tidak bercakap tentang kepentingan mengekalkan hutan. Mereka sibuk menebang pokok dan membakarnya, malah tidak menggunakannya langsung. Semua kekayaan diruntuhkan untuk memperkayakan pihak British," katanya.

Perdana Menteri turut memuji peranan kaum India, yang pada mulanya datang ke negara ini bekerja di ladang getah, kerana turut berjuang bersama-sama kaum lain untuk mencapai kemerdekaan.

"Ramai kaum India yang meninggal dunia dalam usaha memakmurkan British Malaya... inilah peranan kaum India, mereka memberi kekayaan kepada Malaysia dan menolong mencapai kemerdekaan," katanya.

-- BERNAMA

RV HS ROS